



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**ARAHAN PENTADBIRAN KEWANGAN
IBU PEJABAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**BORANG KEBENARAN MENJALANKAN TUGAS
RASMI DI LUAR IBU PEJABAT – LAMPIRAN A**

1. TUJUAN

Arahan Pentadbiran Kewangan ini bertujuan menambahbaik **Borang Kebenaran Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Pejabat – Lampiran A** bagi pegawai Ibu Pejabat Kementerian Dalam Negeri (IP KDN) selaras dengan penambahbaikan Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP1.4 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis).

2. TAFSIRAN

3.1 Bagi tujuan Arahan Pentadbiran ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- (a) “Pegawai” bermakna seseorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan di Ibu Pejabat dan Negeri termasuk yang dilantik secara tetap dan sementara; dan
- (b) “Kebenaran untuk meninggalkan pejabat bagi menjalankan tugas rasmi / kursus di luar ibu pejabat” bermakna kebenaran yang diberi oleh Pegawai Pelulus kepada seseorang pegawai untuk meninggalkan tugasnya dalam tempoh waktu bekerja di luar kawasan tempat bekerja biasa seseorang pegawai.

3. LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Kewangan (MOF) melalui MOF.600-31/1/3 JLD.6(4)(S) bertarikh 10 Jun 2024 telah menambahbaik Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP1.4 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis) telah dilaksanakan melalui pindaan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 yang melibatkan beberapa peraturan antaranya ialah Elaun Perjalanan Kenderaan di perenggan 5.7.3 dan 5.7.4, PP WP1.4.

2.2 Bagi menambahbaik peraturan dan memudahkan pegawai yang perlu menggunakan kenderaan sendiri semasa bertugas rasmi, MOF bersetuju supaya syarat kelulusan Ketua Jabatan untuk penggunaan kenderaan sendiri di perenggan 5.7.3 dan 5.7.4, PP WP1.4 dipinda seperti berikut:

5.7 Elaun Perjalanan Kenderaan		
Perenggan WP1.4	Peraturan	Pindaan
5.7.3	<p>Seseorang pegawai dikehendaki menggunakan perkhidmatan kapal terbang bagi menjalankan tugas rasmi di tempat yang boleh dihubungi terus oleh kapal terbang adalah tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan melainkan di dalam keadaan seperti berikut:</p> <p>(a) jika jarak di antara kedua-dua tempat adalah kurang dari 240 km;</p> <p>(b) apabila seseorang pegawai dikehendaki juga menjalankan tugas rasminya di beberapa tempat di sepanjang perjalanan;</p> <p>(c) apabila didapati mustahak dan terpaksa bagi seseorang pegawai berkenderaan sendiri; atau</p> <p>(d) apabila seseorang pegawai didapati mustahak dan terpaksa membawa pegawai lain sebagai penumpang yang juga menjalankan tugas rasmi.</p>	Peraturan ini dimansuhkan.
5.7.4	<p>Bagi jarak melebihi 240 km dan mematuhi peruntukan (b), (c) atau (d) di atas, kelulusan Ketua Jabatan</p>	Peraturan ini dimansuhkan.

	hendaklah dilampirkan dengan borang tuntutan pegawai tersebut.	
--	--	--

2.3 Sehubungan dengan itu, selaraskan dengan penambahbaikan tersebut Arahan Pentadbiran KW berkaitan Borang Kebenaran Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Pejabat – Lampiran A perlu ditambahbaik dan hendaklah digunapakai oleh semua pegawai diperingkat IP KDN.

2.4 Pada masa ini, pegawai yang ingin melakukan perjalanan bagi urusan rasmi/ kursus perlu mendapatkan kebenaran daripada Pegawai Penyokong dan Ketua Jabatan/ Pegawai Pelulus terlebih dahulu seperti ketetapan berikut:

PEMOHON	PENYOKONG	PELULUS
SUB	TKSU	KSU
TSUB	SUB	TKSU
Lain-lain Pegawai	TSUB/KPSU/PENYELIA	SUB/SUSK/PENGARAH

4. PENAMBAHBAIKAN

4.1 Sebagai langkah penambahbaikan, prosedur kebenaran untuk meninggalkan pejabat bagi menjalankan tugas rasmi di luar IP KDN yang baharu adalah seperti berikut:


- (a) Permohonan kebenaran untuk meninggalkan pejabat bagi menjalankan tugas rasmi di luar IP KDN adalah termaktub bagi tujuan berikut:
 - (i) permohonan menggunakan menggunakan **kenderaan rasmi jawatan** (selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan dalam WP1.4); atau
 - (ii) permohonan menggunakan menggunakan **perkhidmatan kapal terbang** (selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan dalam WP1.4); atau

- (iii) berdasarkan pindaan WP1.4 pegawai tidak lagi perlu mengemukakan borang kebenaran keluar pejabat bagi menjalankan tugas rasmi jika menggunakan kenderaan sendiri untuk tujuan tuntutan perjalanan. Sehubungan itu, bagi tujuan tuntutan perjalanan jika menggunakan kenderaan sendiri, **arahan bertulis daripada Ketua Jabatan/ Penyelia perlu didapatkan sekurang-kurangnya dengan minit di atas surat jemputan mesyuarat/ kursus/ latihan atau kawalan lain yang dirasakan perlu oleh Ketua Jabatan/ Penyelia.**

4.2 Selain itu, permohonan kebenaran menjalankan tugas rasmi di luar IP KDN dengan menggunakan kenderaan rasmi jawatan atau kapal terbang masih perlu menggunakan Borang Kebenaran Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Pejabat – Lampiran A.

5. TARIKH KUAT KUASA

Arahan Pentadbiran ini adalah berkuatkuasa serta-merta mulai tarikh Arahan Pentadbiran ini dikeluarkan. Arahan Pentadbiran Kewangan Ibu Pejabat KDN Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 1 September 2023 adalah **dibatalkan.**



(DATUK HAJI RUJI BIN HAJI UBI)

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh : 10 Julai 2024



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

BORANG KEBENARAN MENJALANKAN TUGASAN RASMI DILUAR IBU PEJABAT

(Borang ini hendaklah diisi sebelum memulakan perjalanan)

1. Nama Pemohon :
2. Jawatan :
3. Bahagian/Unit :
4. No. Pendaftaran/Jenis Kenderaan :
5. Butiran Tugas :
(Gunakan Lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi)

Tempat	Perihal Tugas	Tarikh Pergi	Tarikh Balik	Kilometer Sehala (km)

6. Cara Perjalanan:

Kereta Rasmi Jawatan

Kapal Terbang

Lain-lain (Sila nyatakan)

Tarikh :

(Tandatangan Pemohon)

SOKONGAN

Permohonan ini disokong / tidak disokong.

Tarikh :

(Tandatangan & Cop)
(PENYELIA / KPSU / TSUB / SUB / TKSU)**KELULUSAN***

Permohonan ini diluluskan / tidak diluluskan.

Tarikh :

(Tandatangan & Cop)
(PENGARAH / SUSK / SUB / TKSU / KSU)

*Nota: Dalam keadaan tiada pelulus, maka pegawai yang menjalankan tugas pelulus boleh memberikan kelulusan ke atas permohonan ini.